



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5518 6500

Faks : 03-5510 2133

Laman Web : jpnselangor.moe.gov.my

Rujukan Kami : JPNS.SPD.600-11/2/2 JLD. 19 (44)
Tarikh : 9 Februari 2021

Adillah bin Abu Samah
Ketua Pegawai Eksekutif
XUsed Worldwide Solutions Sdn Bhd
2-19-01 World @ 7, Jalan Lazuardi 7/29,
Section 7,
40000 Shah Alam, Selangor

Tuan,

MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA "XUSED - LEARN & EARN" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) DI SEKOLAH DI NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2021 DENGAN TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Pendidikan Selangor ambil maklum dan **tiada halangan** kepada pihak tuan untuk **melaksanakan Program Kitar Semula "XUsed Learn & Earn" dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless Payment) di sekolah negeri Selangor** secara **dalam talian sahaja** tertakluk kepada perubahan pada arahan yang dikeluarkan oleh KPM, KKM dan MKN dari semasa ke semasa.

3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan Novel Coronavirus (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam norma kehidupan baharu pasca Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti sukan dan kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

4. Kelulusan ini adalah **TERHAD** kepada urusan antara pihak tuan dengan **pihak pengurusan sekolah sahaja** dan tiada unsur paksaan. Tuan diminta menghubungi **Pejabat Pendidikan Daerah dan Pengetua / Guru Besar** untuk mendapat **persetujuan secara bertulis** serta mematuhi garis panduan berikut:-

- 4.1 **Menyenaraikan sekolah cadangan untuk mendapat kebenaran daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/ Guru Besar/ Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat dan pihak JPN boleh meminda sekolah cadangan berdasarkan kesesuaian;**
- 4.2 **Pihak JPN dan PPD berhak untuk meminda tarikh, kandungan program dan jumlah peserta (pegawai/ guru/ murid) yang terlibat atas prinsip kesesuaian serta keperluan program untuk menyokong aktiviti kurikulum atau kokurikulum sekolah;**
- 4.3 **Pihak pengajur perlu mendapatkan surat kebenaran ibubapa sekiranya program melibatkan murid dan bertanggungjawab sepenuhnya sebelum, semasa dan selepas program dengan mematuhi dasar dan garis panduan serta SOP norma baharu KKM yang sedang berkuatkuasa;**
- 4.4 Surat kebenaran/ kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;

" Jabatan Pendidikan Selangor Terbilang "



Certified to ISO 9001:2015
Cert No : AR 3375



Certified to ISO 9001:2015
Cert No : AR 3375



Certified to ISO 9001:2015
Cert No : AR 3375

- 4.5 Pihak tuan disaran untuk melaksanakan aktiviti secara dalam talian dengan menggunakan kemajuan teknologi serta kemudahan platform seperti WhatsApp, Instagram, Facebook, Telegram / aplikasi lain seperti; MEET atau Webex yang membolehkan interaksi dua hala berlaku dan bersemuka secara dalam talian (maya);
 - 4.6 **Tiada aktiviti** yang melibatkan perkumpulan **pegawai dan murid** dan tidak mengikut SOP penjarakan serta garis panduan pembukaan sekolah;
 - 4.7 **Pegawai/guru dan murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini dan tidak dijalankan pada waktu pdpr;**
 - 4.8 Pihak pengajur hendaklah **peka dan mematuhi** arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, berikutan penularan wabak Covid-19 ini sepanjang tempoh kelulusan program ini diberikan.
 - 4.9 Pihak pengajur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
 - 4.10 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
 - 4.11 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;** dan
 - 4.12 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan **dasar KPM** yang sedang berkuatkuasa.
5. Untuk makluman tuan, pihak KPM amat menekankan perkara Melindungi Masa Instruksional, yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak KPM **mencadangkan supaya penyertaan guru dan murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP iaitu dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.**
6. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh **1 Disember 2021**. Sebarang pertanyaan boleh merujuk pegawai perhubungan di jabatan, En. Rahmat Sholihin bin Mokhtar (03-55186524/6525 @ rahmatsholihin@moe.gov.my).

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI IZMI BIN HAJI ISMAIL, A.M.P., P.J.K.)

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

- s.k. -
- i) Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Selangor
 - ii) Fail